

**KHAS SEMPENA TAHUN BARU 2016M****KEJITUAN AZAM**

1 Januari 2016M/ 20 Rabiulawwal 1437H

الحمد لله القائل:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لَئِن لَّهُمْ لَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ

وَأَسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jemaah Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Setiap detik yang berlalu adalah bukti semakin bertambahnya usia kita dalam kehidupan di atas muka bumi ini. Beruntunglah bagi mereka yang menggunakan masa yang dimiliki dengan melakukan amal kebaikan dan rugilah bagi mereka yang menghabiskan masa tersebut dengan berfoya-foya melakukan maksiat dan kemungkaran. Berusahalah untuk mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT kerana hanya dengan taqwalah yang akan menyelamatkan diri kita daripada terjerumus ke lembah kehancuran dan kebinasaan. Bersempena dengan hari pertama di tahun baru 2016 Masihi pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin



mengajak sidang jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: **“Kejituan Azam”**

Para Tetamu Allah Yang Dirahmati,

Setiap kali tibanya tahun baru, maka manusia di seluruh pelusuk dunia akan rasa teruja untuk meraikannya dengan pelbagai cara. Ada yang berhimpun beramai-ramai menantikan detik 12 tengah malam berlalu dan ada juga yang menyambutnya dengan menyanyi dan berpesta dari malam hingga ke pagi. Sebahagian yang lain pula meraikan kedatangan tahun baru dengan cara yang lebih Islamik dan sederhana iaitu dengan mengadakan solat hajat, berselawat dan ceramah perdana. Mereka melakukan semua ini kerana menganggap bahawa kedatangan tahun baru adalah satu peristiwa yang penting dan bermakna dalam sejarah hidup mereka. Persoalannya, adakah acara sambutan itu sahaja yang mesti diutamakan? Hakikatnya, suatu perkara yang tidak diendahkan oleh ramai di antara kita ialah apakah sebenarnya yang kita mahukan untuk diri kita setiap kali tibanya tahun baru? Apa pula azam yang kita mahu realisasikan pada tahun ini?

Keazaman membawa maksud kemahuan, keinginan dan cita-cita yang sangat kuat untuk mendapatkan sesuatu yang dikehendaki. Seseorang yang tidak mempunyai keazaman yang jitu, tidak mungkin akan memperolehi apa yang dia impikan. Tetapi perlu juga diingat, sebagai seorang yang beriman, janganlah kita lupa untuk menyerahkan hal keazaman kita itu kepada Allah SWT, bertepatan dengan firmanNya dalam surah Ali Imran pada penghujung ayat 159 yang telah dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi:

Bermaksud: “Kemudian apabila engkau telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”

Sidang Jemaah Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Ramai di antara kita yang berazam dengan pelbagai perkara mahupun tujuan apabila tibanya tahun baru. Ada yang berazam untuk berhenti menghisap rokok



kerana mahu menjaga kesihatan diri. Ada yang berazam untuk meninggalkan perkara maksiat yang sering dilakukannya kerana mahu berubah ke arah kehidupan yang lebih diredhai Allah SWT. Ada juga yang berazam untuk bekerja dengan lebih rajin dan bersungguh-sungguh kerana mahukan pengiktirafan dan ganjaran bonus dari majikannya.

Hakikatnya, tidak semua di antara kita yang bebar-benar komited untuk merealisasikan azam masing-masing. Ada yang bersemangat tinggi pada permulaannya, tetapi apabila masa berlalu dan juga kerana faktor-faktor tertentu, menyebabkan dirinya semakin kurang bersemangat untuk mencapai azam yang dahulunya dibangga-banggakan. Sikapnya itu bak kata perumpamaan Melayu “Seperti Melepaskan Batok di Tangga”, iaitu dia melakukan suatu pekerjaan dengan sambal lewa atau dengan tidak bersungguh-sungguh. Di antara sebab-sebab mengapa sesuatu azam itu tidak dapat dicapai ialah:

Pertama: Tiada kesabaran dalam diri untuk berusaha secara bersungguh-sungguh bagi mencapai azam yang telah dibuat. Ramai di antara kita yang mahukan hasil yang cepat tanpa mahu berusaha lebih. Misalnya, kerana mahu cepat menjadi orang kaya dan menikmati hidup mewah, ada individu yang sanggup melaburkan semua duit simpanan yang dimiliki dalam skim perniagaan yang tidak pasti kesahihannya. Akibatnya, wang yang disimpan selama bertahun-tahun hasil penat lelah bekerja, lenyap dalam sekelip mata sahaja. Ingatlah, menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tiada gunanya..

Kedua: Godaan nafsu. Tidak dapat dinafikan bahawa nafsu adalah penghalang terbesar bagi setiap orang yang mahu berjaya dalam apa sahaja yang diusahakan. Ini kerana, nafsu itu memang sedia ada di dalam diri kita dan ianya akan sentiasa mengajak diri untuk meninggalkan setiap perkara kebaikan yang kita lakukan. Sesungguhnya musuh yang tidak kelihatan dan tersembunyi adalah lebih bahaya pengaruhnya dari musuh yang nampak nyata di pandangan mata. Hayatilah firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53 untuk dijadikan peringatan kita bersama bagi menghadapi bahaya nafsu.

وَمَا أُبْرِيئُ نَفْسِي ۚ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ ۗ إِلَّا مَا رَجَعْتُمْ إِلَىٰ رَبِّي ۗ إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾



Bermaksud: “Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku, sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Ketiga: Tiada perancangan. Selalunya, orang-orang yang gagal untuk mencapai impian mereka adalah kerana mereka berusaha tanpa mempunyai perancangan yang sistematik. Usaha mereka adalah secara semberono dan tiada hala tuju yang meyakinkan. Mereka merasakan bahawa yang paling penting untuk mencapai apa yang dikehendaki adalah usaha itu sendiri tanpa perlu sibuk memikirkan tentang perancangan. Pemikiran seperti ini, tidak lain dan tidak bukan, lahir dari keegoan dan rasa takbur yang ada dalam diri. Tetapi ingatlah, jika kita gagal untuk merancang, maka kita merancang untuk gagal.

Para Tetamu Allah Yang Dirahmati,

Selepas kejatuhan Empayar Turki Uthmaniah, negara tersebut telah diperintah oleh kerajaan yang mengamalkan sistem sekular selama lebih 80 tahun. Walaupun begitu, usaha untuk memartabatkan semula Islam di Turki dilakukan secara berterusan. Jadikanlah kejayaan kepimpinan Negara tersebut untuk mendaulatkan semula Islam di Turki sebagai pendorong kepada kita untuk mencapai sesuatu yang kita azamkan. Biarlah selama manapun masa yang diambil, tetapi dengan perancangan, usaha dan juga tawakal, In sya Allah apa yang diinginkan boleh dicapai. Marilah kita amalkan langkah-langkah berikut untuk memastikan azam yang telah dibuat itu dapat direalisasikan:

Pertama: Sabar dalam berusaha. Sedarlah, kejayaan atau kemenangan tidak akan datang bergolek begitu sahaja di hadapan mata. Ianya memerlukan kesabaran yang tinggi dan usaha yang berterusan sebelum kejayaan itu hadir untuk mengembirakan hati kita. Tambahan pula, kejayaan yang diperolehi selepas sabar mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan adalah lebih manis rasanya. Renungilah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Anas bin Malik r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:



“النَّصْرُ مَعَ الصَّبْرِ، وَالْفَرَجُ مَعَ الْكُرْبِ، وَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا”

Bermaksud: “Kemenangan bersama kesabaran, pelepasan bersama kesusahan dan sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangan.”

Kedua: Membuat perancangan yang teliti. Sesungguhnya tiada kejayaan atau kemenangan dalam sesuatu perjuangan itu dapat dicapai tanpa didahului oleh strategi dan juga perancangan. Lihat sahajalah bagaimana pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu membina negara ini sehingga Malaysia berjaya menjadi sebuah negara yang disegani di mata dunia. Bahkan, kemajuan yang berjaya dicapai oleh negara ketika ini telah menjadi contoh ikutan kepada negara-negara Islam yang lain. Semuanya adalah kerana para pemimpin yang terdahulu telah meletakkan satu visi perancangan yang jelas untuk dijadikan panduan oleh anak cucu sesudah mereka dalam usaha membangunkan negara.

Ketiga: Istiqamah dalam berusaha untuk mencapai sesuatu yang diazamkan. Sesungguhnya istiqamah adalah kriteria yang terpenting untuk dimiliki oleh orang yang beriman. Sifat istiqamahlah yang akan membantu diri kita untuk terus berusaha bagi merealisasikan apa yang diimpikan. Tiada gunanya kita mengaku sebagai orang yang beriman tetapi apabila disuruh untuk terus-menerus berusaha pun sudah tiada istiqamah dalam diri.

Sidang Jemaah Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan dan pedoman kita bersama:

Pertama: Sebagai orang yang beriman, azam yang telah dibuat dan diusahakan hendaklah diserahkan urusannya kepada Allah SWT dengan bertawakal.

Kedua: Berwaspadalah dengan nafsu yang sentiasa mengajak kepada kejahatan kerana ia mampu menggagalkan azam yang telah kita tekadkan dalam hati.



Ketiga: Sesuatu azam boleh dicapai jika disertai dengan sifat sabar, istiqamah serta perancangan yang teliti.

Firman Allah SWT dalam surah Ar-Ra'd ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ، مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ، وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنَّا وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاسِ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٨﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغِ
الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.
اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رُؤُوفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa



kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan kami dan kesejahteraan negeri kami Wilayah Persekutuan agar sentiasa aman dan makmur.

رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.